

Pelajar cemerlang UMS dirai di Istana Negeri

UB . 23 . 10 . 2012 B2

KOTA KINABALU: Lima orang pelajar cemerlang Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Konvokesyen ke-14 diraikan bersama Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Datuk Haji Mahirudin dalam satu majlis makan malam yang berlangsung di Istana Negeri

pada Sabtu lepas.

Mereka ialah penerima Anugerah Pelajaran Diraja Bumiputera, Nur Thara Atikah Zainal, Anugerah Pelajaran Diraja Bukan Bumiputera, Daisy Wendy Pau, penerima Pingat Emas Canselor, Ng Chee



JUHAR memberikan hadiah penghargaan kepada penerima Anugerah Pelajaran Diraja Bumiputera, Nur Thara Atikah Zainal.

Guan, Pingat Emas Naib Canselor, Azhar Awan Ali dan penerima Pingat Emas Alumni, Priscynthia Nesha A/P Selvaraja.

Atas pencapaian akademik yang cemerlang, kelima-lima pelajar berkenaan turut menerima hadiah penghargaan daripada Juhar yang juga merupakan Canselor UMS.

Ketika ditemui, kesemua pelajar menyatakan rasa kesyukuran terhadap kejayaan yang dikecapidan menetapkan azam untuk meneruskan kecemerlangan dalam menempuh alam pekerjaan yang bakal didepani.

Mereka juga merasa terharu dengan keprihatinan Juhar yang sentiasa menyokong terhadap pembangunan pengajian di negeri ini.

Hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan pegawai-pegawai utama UMS.



JUHAR dan isteri Toh Puan Norlidah RM Jasni merakam gambar kenangan bersama pelajar-pelajar cemerlang UMS. Turut kelihatan, Mohd. Harun (kiri berdiri) dan isteri, Datin Baidah Ibrahim (berdiri kanan).